



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

KHAIRUL AMING USAHAWAN SAMBAL

Suzila Mat Salleh, Noor Malinjasari Ali, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Hasmda Mohd Noor, Raslina Mohamed Nor dan Ruzaidah Sulong @ A. Rashid


Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Khairul Aming merupakan usahawan muda jutawan yang berjaya mencuri hati rakyat Malaysia dengan sambal Nyet pedasnya. Beliau juga merupakan personaliti media sosial yang berkongsi masakan-masakan lain. Sambal Nyet Khairul Aming telah menjadi hidangan yang sangat popular di kalangan rakyat Malaysia dan beliau dianggap sebagai salah seorang pelopor dan ikon dalam industri makanan yang inovatif dan kreatif.

Di awal penglibatannya, beliau pernah menjual sambal yang dikenali dengan nama sambal King. Namun, jualanannya di facebook tidak laku dan terpaksa ditutup menyebabkan kerugian berpuluh ribu ringgit. Walau bagaimanapun, tekad beliau tidak berhenti di situ sahaja. Beliau bangkit semula dengan kandungan masakan yang dikongsi di Instagram yang telah berjaya menarik minat pengikutnya yang mencecah ke 2.8 juta pengikut pada 2021. Setelah 4 tahun berlalu, beliau bangkit semula dengan memperkenalkan sambal Nyet. Tanpa di duga, jualanannya laris dalam masa yang singkat. Sambal Nyetnya dijual secara dalam talian di Shopee. Beliau berkongsi kejayaan apabila memulakan jualan sambal sebanyak 200 botol sehari dan semakin hari semakin meningkat ke 5,000 botol sehari. Disebabkan permintaan yang sangat memberangsangkan, beliau membuka tambahan satu lagi kilang baharu (kilang kedua) yang berkeluasan 22,000 kaki persegi yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Kilang tersebut dibina bagi menampung pengeluaran tambahan sambal Nyet dan pengeluaran produk keduanya.

Beliau turut berkongsi pada permulaan pengeluaran produk dari kilang pertamanya berlaku sedikit kesilapan akibat kurangnya pengalaman dalam mengendalikan pembukaan kilang yang seluas 14,000 kaki persegi. Antara kesilapan yang berlaku termasuklah pembelian mesin yang tidak mengikut spesifikasi dan lain-lain.



Pada bulan Januari 2021, melalui Instagram, beliau turut berkongsi mengenai jualanannya kehabisan stok sebanyak 10,000 botol selama 54 minit sahaja. Menurut Khairul Aming melalui Instagram yang dikongsi olehnya, beliau telah berjaya menjual sambal Nyet sehingga jualan keseluruhan untuk 2 tahun berjumlah RM21.5 juta bersamaan 1.5 juta botol sambal iaitu pada tahun 2021 jualan adalah RM7.5 juta manakala pada tahun 2022 sebanyak RM14 juta. Beliau juga telah menerima anugerah dari Shopee iaitu anugerah "Best New Seller" dan "Best Customer Service".

Kejayaan Khairul Aming dengan sambal Nyet menunjukkan betapa pentingnya inovasi dan kreativiti dalam membangunkan sesuatu perniagaan. Disebabkan kerana kualiti dan keenakan rasanya yang pedas dan unik telah menarik minat pembeli di seluruh negara untuk membeli sambal tersebut dan menyebabkan sambal Nyet Khairul Aming sangat laris di pasaran dan menjadi makanan popular di kalangan rakyat Malaysia. Khairul Aming mampu menciptakan produk makanan yang unik dan berbeza dari pasaran yang dapat menarik pecinta makanan pedas dan sekaligus telah membangunkan perniagaannya dengan jayanya melalui bakat memasak yang dimilikinya. Kejayaan Khairul Aming telah membuktikan bahawa dengan bekerja keras dan tekad, sesiapa pun boleh berjaya. Setiap kejayaan pasti ada cerita disebaliknya. Gagal sekali bukan bermakna gagal selamanya, asalkan kita berusaha dan tidak berputus asa, kejayaan pasti milik kita. Moga Malaysia dapat melahirkan lebih ramai usahawan sepertinya.

Rujukan

- [1] Aziz, N. A. (2018). Hot and spicy sambal nyet. New Straits Times, p. 24.
- [2] Bernama. (2021, January 4). Sambal nyet: Spicy goodness from the land of Kelantan. The Star. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/food/2021/01/04/sambal-nyet-spicy-goodness-from-the-land-of-kelantan>
- [3] Hassan, M. (2017, May 23). The 'spiciest' business: The Khairul Aming story. The Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/life/2017/05/23/the-spiciest-business-the-khairul-aming-story/1371871>
- [4] Sulaiman, S. (2016, August 25). Khairul Aming's sambal nyet pedas hot on the market. The Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/life/2016/08/25/khairul-amings-sambal-nyet-pedas-hot-on-the-market/1192142>
- [5] Mohd Izzat Mohd Khalizan (2022, August 2). Satu Tak Cukup, Khairulaming Buka Kilang sambal Nyet Kedua di kota bharu... Jualan Cecah RM14 juta - viral. mStar. Retrieved April 14, 2023, from <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2022/08/02/satu-tak-cukup-khairulaming-buka-kilang-sambal-nyet-kedua-di-kota-bharu-jualan-cecah-rm14-juta>

